



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 31 OKTOBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAT SABU: CONSUMERS CHOOSING RICE BASED ON BRAND, NATION, THE STAR, M/S – 10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	TERUNG 'BAJA' KEJAYAAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	LEMBU SELUDUP BERNILAI RM245,000 DIRAMPAS PGA DI CHUPING, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	PENDUDUK BANTAH BINA LADANG AYAM, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	LAIN-LAIN
5.	BERAS TEMPATAN HILANG LAGI, TIADA BEKALAN SEJAK OGOS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2025	THE STAR	NATION	10

Mat Sabu: Consumers choosing rice based on brand

MALAYSIAN consumers are now choosing rice based on brand and taste rather than price, as the retail price of imported white rice (Beras Putih Import, BPI) is not much higher than local white rice (Beras Putih Tempatan, BPT), says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (*pic*).

He said engagement sessions with farmers, millers and wholesalers found that the recent price adjustment had narrowed the gap between imported and local rice.

"As a result of the BPI price



adjustment at Padiberas Nasional Bhd (Bernas) warehouses from RM2,800 to RM2,600 per tonne effective May 15, 2025, the retail price of imported rice has dropped by between RM1 and RM2 per 10kg bag," he said in a written reply to Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap).

He said the findings showed that consumers were not significantly influenced by the RM26 price tag for a 10kg bag of rice, as brand preference and taste remained the main deciding factors.

He said the Special Subsidised Local White Rice (BPT) Programme 2025, which began on March 1 and ended on Aug 31 this year, was part of the government's effort to better target subsidies and to serve as a transition measure in Malaysia's rice supply management.

"The programme's completion allowed the ministry to conduct a market assessment and address several issues identified during its implementation. The results of this assessment will be used to refine future rice supply policies and strategies," he said.

Mohamad said demand for local white rice during the six-

month programme reached about 75% of the targeted 24 million 10kg bags, indicating that consumers still preferred reasonably priced rice over specific subsidised products.

Based on these findings, he said the ministry would soon propose a comprehensive plan for the country's white rice supply, taking into account production costs, controlled local white rice prices, market trends, quality standards and the need to prevent rice mixing practices.

"These proposals aim to create a long-term and balanced solution for the padi and rice industry," he said.

2030
PERAK
SEJAHTERA

HASIL TUAIAN ANAK JATI SITIawan SAMPAI KE PASAR BORONG

Terung 'baja' kejayaan

Oleh Muhamad
Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

Manjung

Ketika ramai rakan se-usianya menjadikan sektor korporat dan profesional sebagai kerjaya, Tiang Wai Bin, 31, pula lain kisahnya apabila memilih bidang pertanian sayur sebagai mata pencarian.

Namun, hal itu tidak pernah disesalinya kerana kini dia mampu meraih pendapatan baik hasil tanaman 40,000 beg poli di kebun seluas lebih lapan hektar di Segari, di sini.

Anak jati Sitiawan itu berkata, minat terhadap pertanian mula bercambah sejak kecil apabila dia sering membantu keluarganya mengusahakan kebun kelapa sawit.

Minat itu diperkuatkan lagi selepas anak bongsu daripada tiga beradik itu menamatkan pengajian dalam bidang pertanian di Universiti Teknologi dan Sains Pingtung, Taiwan pada 2016.

"Selepas balik Malaysia, saya bekerja sebagai kerani sambil membantu keluarga di kebun sawit. Tetapi, saya rasa jiwa saya ingin mencuba tanaman kontan yang memberi pulangan lebih cepat.

"Jadi, saya ambil keputusan untuk cuba bidang tanaman lain yang lebih mencabar," katanya.

Wai Bin berkata, dia me-



PENGARAH Pertanian Perak, Norsiyenti Othman (dua dari kanan) meninjau kebun terung diusahakan Wai Bin (dua dari kiri) di Segari.

mulakan langkah awal pada 2021 dengan menanam 9,000 beg poli cili secara fertigasi di tanah sewaan seluas dua hektar di kawasan sama.

Namun, selepas satu musim, dia mendapati tanaman itu memerlukan ramai pekerja dan kos penyelenggaraan yang tinggi.

"Cili ada permintaan, tetapi risikonya besar. Selain mudah diserang penyakit, harganya tidak stabil kerana banyak diimport dari luar negara.

"Lambakan cili di pasa-

ran ketika itu menyebabkan harganya jatuh daripada RM11 sekilogram (kg) kepada hanya RM3. Bila harga jatuh, modal pun tak lepas," katanya.

Wai Bin berkata, selepas menilai semula keupayaan dan kos operasi, dia mengambil keputusan beralih kepada tanaman terung yang menurutnya lebih stabil dan kurang bergantung kepada tenaga kerja ramai.

Percubaannya bermula dengan menanam terung dalam 9,000 beg poli dan ternyata hasilnya lebih baik

dengan hasil tuaian sekitar 20 tan setiap bulan.

Bermula dari situ, Wai Bin menambah keluasan tanaman secara berperingkat tahun demi tahun sehingga kini mencapai 40,000 beg poli dan mampu menuai 60 tan hasil setiap bulan.

"Anak pokok terung hanya mengambil masa dua bulan untuk membesar dan mengeluarkan hasil, kemudian saya boleh tuai pokok sama selama empat bulan sebelum tanam pokok baharu.

"Semua hasil tuaian saya

pasarkan ke Pasar Borong Selayang dan pasar raya NSK sekitar Lembah Klang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor," katanya.

Berkongsi cabaran sepanjang lima tahun bergiat aktif, Wai Bin berkata, antara cabaran utama dihadapinya ialah faktor cuaca tidak menentu dan pengurusan pekerja asing.

"Kalau musim hujan, tanah jadi lembap menyebabkan pokok berisiko mati. Pada tahun pertama, saya pernah rugi kerana kawasan kebun rendah dan mudah banjir setiap kali hujan

lebat berterusan.

"Saya belajar tambah baik sistem saliran di kebun dengan membuat kolam supaya air hujan yang terkumpul segera disalurkan keluar dengan menggunakan mesin pam air," katanya.

Menurutnya, latihan pekerja asing juga mencabar kerana mereka perlu dilatih memahami kaedah penjagaan fertigasi dari peringkat awal sehingga penuaian.

Wai Bin berkata, pencapaianannya itu tidak akan terjadi tanpa bimbingan dan sokongan Jabatan Pertanian Perak yang menyediakan kursus dan geran input pertanian.

"Pegawai pertanian banyak bantu memberi tunjuk ajar melalui kursus bagi memastikan saya sentiasa mengetahui dan mempraktikkan kaedah penjagaan pokok terung yang baik supaya terhindar daripada serangan penyakit serta boleh hasil tuaian dioptimumkan.

"Saya juga menerima bantuan baja dan struktur besi untuk pokok melalui geran Jabatan Pertanian sejak 2022," katanya yang kini menggaji 30 pekerja tetap.

Dia berkata, bantuan itu membuktikan komitmen Jabatan Pertanian Perak sebagai agensi peneraju agenda Keterjaminan Makanan seperti digariskan dalam pelan Perak Sejahtera 2030 oleh Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2025	KOSMO	NEGARA	14

Lembu seludup bernilai RM245,000 dirampas PGA di Chuping

PADANG BESAR — Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Utara menahan dua lelaki bersama sebuah lori treler yang membawa 35 ekor lembu tanpa sebarang dokumen sah di sekatan jalan raya (SJR) Chuping, di sini kelmarin.

Komander Briged Utara PGA, Senior Asisten Komisio-ner Shahrum Hashim berkata, kedua-dua suspek berusia antara 23 hingga 49 tahun itu ditahan sepasukan anggota Kompeni A, Batalion 1 PGA, Ulu Kinta, Perak.

"Semasa pemeriksaan dilakukan, kita menemui 35 ekor lembu di bahagian belakang lori treler jenis Hino yang dipandu suspek kira-kira pukul 6 petang di sekatan jalan raya di Chuping.

"Pemandu gagal mengemukakan sebarang dokumen pemindahan haiwan terna-

kan yang sah," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Menurutnya, nilai keseluruhan rampasan termasuk lori dan haiwan ternakan dianggarkan berjumlah RM645,000.

"Lori treler itu dianggarkan bernilai RM400,000 manakala lembu-lembu tersebut bernilai sekitar RM245,000.

"Kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM15,000 atau penjara maksimum setahun atau kedua-duanya sekali," ujarinya.

Kesemua lembu berkenaan dipercayai dibawa masuk dari Thailand untuk pasaran tempatan.

Kes itu diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Padang Besar untuk tindakan lanjut.



SEBAHAGIAN lembu seludup dirampas pihak PGA di Chuping kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Penduduk bantah bina ladang ayam

Oleh AIN SAFRE BIDIN

utusannews@mediamulia.com.my

PASIR SALAK: Penduduk Kampung Tanjung Sari dan Kampung Teluk Bharu di sini membantah cadangan pembinaan ladang ayam berhampiran penempatan mereka.

Ini kerana dikhuatiri menimbulkan pencemaran bau busuk dan serangan lalat yang boleh menjejaskan kesihatan serta kualiti hidup penduduk.

Sesi dialog antara penduduk, pihak syarikat pemaju projek serta jabatan dan agensi kerajaan berkaitan yang diadakan di Kampung Tanjung Sari semalam gagal mencapai kata sepakat apabila penduduk bertegas mahu projek tersebut dibatalkan sepenuhnya.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Tanjung Sari, Shamsul Nadir Saimim berkata, penduduk menolak sepenuhnya cadangan itu kerana bimbang kesannya terhadap kesihatan dan alam sekitar.

"Penduduk tidak mahu ber-



SESI dialog antara penduduk dan syarikat serta jabatan kerajaan berhubung bantahan pembinaan ladang ternakan ayam di Kampung Tanjung Sari di Pasir Salak, Perak semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

depan dengan bau busuk serta masalah lalat yang boleh mengundang penyakit.

"Kami sebulat suara mahu projek ladang ayam ini dibatalkan dan akan membawa perkara

ini ke peringkat kerajaan negeri," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sesi dialog itu turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kampung Gajah, Zafarul Azhan Zan, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan, Zairul Akmal Kasim dan Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Dr. Bakri Zainal Abidin.

Shamsul Nadi berkata, pihak pengusaha perlu menghormati suara penduduk setempat.

Katanya, lokasi lain yang lebih sesuai perlu dicari pengusaha bagi mengelakkan konflik dengan komuniti kampung.

Sementara itu, Pengerusi JPKK Kampung Teluk Bharu, Zambry Salleh berkata, penduduk kampungnya turut mengadakan perhimpunan sebagai tanda solidariti dengan Kampung Tanjung Sari.

"Jika ladang ayam ini diteruskan, kampung kami juga akan terkesan dengan bau najis ayam dan lalat.

"Kami tidak menentang pembangunan, tetapi menolak projek yang boleh mengancam kesihatan serta kebersihan kampung," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Beras tempatan hilang lagi, tiada bekalan sejak Ogos

KLUANG: Penduduk di sekitar bandar ini kecewa susulan ketiadaan bekalan beras putih tempatan di pasaran sejak lebih dua bulan lalu.

Tinjauan dilakukan mendapati hampir semua pasar raya dan kedai runcit di sekitar Kluang tidak lagi menerima bekalan beras putih tempatan sejak Ogos lalu.

Keadaan itu menyebabkan pengguna terutama golongan berpendapatan rendah terpaksa menanggung peningkatan kos perbelanjaan harian.

Penduduk Kampung Tengah, Mohd. Anuar Othman, 58, berkata, harga beras putih tempatan sebelum ini sekitar RM26 sekampit 10 kilogram manakala beras import paling murah pula kini mencecah harga RM32.

“Untuk keluarga besar, sekurang-kurangnya tiga kampil diperlukan setiap bulan. Perbezaan RM18 itu nampak kecil, tetapi ia besar bagi kami yang sudah terbeban dengan kenaikan harga barangan lain seperti minyak masak paket yang juga sukar diperoleh.

“Alasan kononnya beras putih tempatan tidak mendapat sambutan adalah tidak benar. Golongan seperti kami sangat bergantung kepadanya,” katanya.



MOHD. Anuar Othman memilih beras untuk dibelinya ketika ditemui di sebuah pasar raya di Kluang, Johor semalam.

Sementara itu, Rahimah Mohd. Ali, 50, dari Kampung Melayu, berkata pada awalnya penduduk menyangka kekurangan itu disebabkan kelewatan bekalan biasa.

Namun, selepas sebulan mencari di pasar raya dan kedai runcit semua memberi jawapan sama iaitu ketiada bekalan dihantar.

“Situasi ini menimbulkan tanda tanya besar kepada kami. Beras tempatan ini bukan tidak

laku, tetapi ‘hilang’ begitu saja,” katanya.

Sementara itu, sumber dari Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Cawangan Kluang mengesahkan bekalan beras putih tempatan sememangnya dihentikan selepas Program Beras Putih Tempatan (BPT) ditamatkan pada Ogos lalu.

Katanya, situasi itu turut melibatkan seluruh negeri Johor dan Semenanjung Malaysia.